

Dr Mahathir dakwa 1MDB untuk Najib 'beli' sokongan
Malaysian Insider
Oct 23, 2015

Syarikat pelaburan strategik Kementerian Kewangan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditubuhkan untuk meminjam sejumlah besar wang supaya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak boleh "membeli" sokongan, dakwa Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam wawancara eksklusif bersama akhbar The Guardian, mantan perdana menteri itu dilaporkan berkata, melalui 1MDB, pentadbiran Najib mengukuhkan sokongan melalui pemberian tunai untuk mengukuhkan sokongan.

"Beliau memerlukan wang yang banyak untuk diagihkan kepada berjuta orang penyokongnya. Itu dinamakan rasuah.

"Kalau hendak popular, laksanakan tugas dengan baik, kita akan jadi popular. Tetapi bila kita beli orang, itu menjatuhkan maruah," kata Dr Mahathir seperti dilaporkan The Guardian.

Dr Mahathir berkata tindakan pentadbiran Najib itu seumpama memberikan rasuah untuk terus berkuasa.

"Apa yang beliau beritahu saya, rasuah itu OK. Jika kita merasuah dengan beberapa dollar, itu tidak boleh, jika kita berikan duit kepada seseorang yang tidak pernah melihat duit berjuta-juta ringgit, mereka akan berpaling tadah," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir turut berkata, dana itu diperlukan Najib untuk mengeluarkan perbelanjaan untuk ahli-ahli politik dan juga pembayaran wang tunai kepada golongan berpendapatan rendah.

Pentadbiran Najib memulakan pemberian wang tunai melalui program rasionalisasi subsidi kepada golongan berpendapatan rendah yang dipanggil Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

"Bukan itu caranya untuk meraih sokongan, itu namanya rasuah. Bila kita perlukan duit, kita cari. Sedangkan kita tiada duit.

"Jadi bagaimana duit itu dikumpul? Itulah permulaan rasuah. 1MDB ditubuhkan supaya mereka boleh meminjam sejumlah besar duit," kata Dr Mahathir, dipetik laporan The Guardian.

Najib kini sedang berhadapan krisis yang mencabar apabila ramai pihak mempersoalkan urusan 1MDB, selain dana bernilai AS\$700 juta (RM2.67 bilion) dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

Dr Mahathir berkata, wang yang dipinjamkan untuk 1MDB juga tidak boleh dikesan.

“Ada pegawai di 1MDB yang meletak jawatan kerana duit itu tidak diuruskan dengan baik, tetapi mereka tidak boleh bersuara kerana masih lagi penjawat awam,” katanya.

Melalui wawancara itu, beliau turut mengulangi gesaannya supaya Najib melepaskan jawatan sebagai perdana menteri.

“Apa yang boleh kita lakukan adalah meminta perdana menteri meletakkan jawatan, digugurkan atau disingkirkan.

“Ini kerana beliau bertanggungjawab memberikan imej negatif kepada negara,” kata Dr Mahathir. – 23 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-dakwa-1mdb-untuk-najib-beli-sokongan>